

# UNISSA mulakan pengajaran, pembelajaran secara berfasa



Siaran Akhbar dan Foto :  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali



PARA kakitangan dan pelajar dikehendaki untuk mengimbas Kod QR BruHealth ketika masuk dan keluar kampus di setiap pintu masuk utama kampus universiti (atas kiri). Sementara gambar atas, kedudukan para pelajar dalam bilik kuliah juga diambil kira mengikut penjarakan sosial sebagaimana saranan Kementerian Kesihatan.

## Terima Sijil Masyarakat Berjasa

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

**TUTONG**, Rabu, 3 Jun. - Seorang lelaki warga tempatan, Awang Muhammad Suhaibul Danial bin Dalim menerima Sijil Masyarakat Berjasa daripada Jabatan Bomba Dan Penyelamat (JBP) apabila beliau berjaya memadamkan kebakaran elektrik berlaku di Kedai Runcit Haji Bolhassan, Kampung Kupang, Daerah Tutong pada 16 Mei 2020 lalu pada jam 7.23 pagi.

Penyerahan Sijil Masyarakat Berjasa tersebut disempurnakan oleh Pegawai Pemerintah Operasi 'E', JBP, Daerah Tutong, Penguasa Kanan Bomba, Awang Mohd. Yudieswandy bin Bakar.

Turut hadir semasa penyampaian sijil tersebut ialah Pegawai Perhubungan Awam Cawangan Operasi 'E'.

Tindakan pantas Awang Muhammad Suhaibul Danial berjaya memadamkan kebakaran elektrik di bahagian pemegang mentol (*bulb holder*) dengan menggunakan sebiji alat pemadam api jenis debu kering 2.5 kg sebelum anggota bomba sampai.

Sehubungan itu, pihak JBP juga menyarankan kepada orang ramai agar sentiasa memastikan pemakaian elektrik tidak mencapai tahap lebih bebanan (*overload*) dan menutup (*switch-off*) suis peralatan elektrik selepas menggunakannya atau meninggalkannya dalam masa yang lama.

Selain itu juga, hendaklah memastikan pendawaian dalam keadaan yang baik serta membuat pemeriksaan dengan menggunakan syarikat yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

JBP juga turut menyarankan agar memastikan bangunan hendaklah dilengkapi dengan peralatan keselamatan, seperti alat pemadam api yang bersesuaian (Jenis ABC Powder), selimut api (*fire blanket*) atau alat pengesan asap (*smoke detectors*).

Jika berlaku sebarang insiden kecemasan, awda hendaklah menghubungi terus ke Talian Kecemasan Bomba 995 dengan memberikan maklumat tepat.



PEGAWAI Pemerintah Operasi 'E', Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Daerah Tutong, Penguasa Kanan Bomba, Awang Mohd. Yudieswandy bin Bakar menyerahkan Sijil Masyarakat Berjasa daripada JBP kepada Awang Muhammad Suhaibul Danial bin Dalim.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 3 Jun. - Berikutan perkembangan positif pengawalan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) memulakan pengajaran dan pembelajaran di kampus universiti secara berfasa, bermula 3 Jun 2020 melalui pelan *de-escalation*, menurut tahap keadaan yang dinasihatkan oleh Kementerian Kesihatan.

Pada peringkat ini, UNISSA mula melaksanakan pengajaran secara bersemuka atau *face to face*, terutama sekali bagi program yang memerlukan pengajaran secara fizikal, iaitu penilaian praktikal, seperti *mooting* bagi pelajar Fakulti Syariah dan Undang-Undang.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di kampus ini dilakukan secara berperingkat dengan meminimumkan bilangan pelajar setiap sesi pengajaran

sehingga 40 peratus daripada kapasiti biasa dan dalam tempoh dua jam setiap sesi pengajian atau kurang daripada itu.

Kedudukan pelajar dalam bilik kuliah juga diambil kira mengikut penjarakan sosial sebagaimana saranan Kementerian Kesihatan.

Dalam usaha memantau keberadaan warga UNISSA di kampus universiti, semua kakitangan dan pelajar juga dikehendaki untuk mengimbas Kod QR BruHealth ketika masuk dan keluar kampus di setiap pintu masuk utama kampus universiti berkenaan.

Selain itu, UNISSA akan meneruskan pelaksanaan pemeriksaan suhu badan bagi semua warga UNISSA dan pengunjung.

Dalam fasa ini, semua aktiviti kokurikulum dan aktiviti sosial masih ditiadakan. Demikian juga kolej kediaman, setakat ini masih ditutup buat sementara kecuali bagi pelajar-pelajar antarabangsa

dengan kawalan dan pemantauan yang ketat.

Sejak awal bulan Mac lalu, UNISSA menangguhkan pengajian di kampus dan menggunakan pengajaran juga pembelajaran melalui platform dalam talian sebagai alternatif.

Pihak UNISSA turut menyediakan panduan pelan *de-escalation* kepada kakitangan dan pelajar mengikut saranan pihak Kementerian Kesihatan juga berusaha memastikan warga UNISSA sentiasa mengamalkan tanggungjawab sosial (*social responsibility*), memastikan penjarakan fizikal (*physical distancing*) dan kebersihan diri untuk memastikan kesejahteraan juga keselamatan komuniti universiti terjamin.

Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Talian Hotline UNISSA menerusi WhatsApp atau Talian : +673 8787996.

## Kempen Derma Darah sempena HUT ABDB Ke-59



Siaran Akhbar dan Foto :  
Kementerian Pertahanan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 3 Jun. - Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun (HUT) Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-59, ABDB mengadakan Kempen Derma Darah anjuran bersama kakitangan Tabung Darah Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (RIPAS), Kementerian Kesihatan, di Pusat Pendermaan Darah, Hospital RIPAS.

Kempen tersebut bertujuan untuk memberi sokongan dan keprihatinan kepada masyarakat dengan menyumbangkan juga menambah simpanan tabung darah di pusat tersebut, di samping menanamkan sifat beramal jariah juga tanggungjawab sosial para anggota tentera.

Kempen ini akan diteruskan hingga bulan Mei 2021.

KEANGGOTAAN ABDB saat melaksanakan pendermaan darah sempena Hari Ulang Tahun (HUT) ABDB Ke-59.